



## **SYARAT-SYARAT TAPAK BAZAR DEEPAVALI 2021**

1. Tapak-tapak Bazar Deepavali akan dipecahkan kepada kategori berikut:
  - a) Petak Barangan Kering / Barangan Keperluan Perayaan
  - b) Petak Pekedai
  - c) Petak Peniaga 3P (petak **No. 01 – 21**)
  - d) Petak Makanan dan Minuman Ringan (petak **No. 79 – 85**)
2. Penjualan bunga api dan inai tidak dibenarkan sebagai langkah mengurangkan kesesakan dan perkhidmatan inai melibatkan sentuhan fizikal.
3. Semua permohonan perlu dibuat melalui Sistem Permohonan Permit Perniagaan Majlis Perbandaran Klang dengan melayari laman web <https://portal.mpklang.gov.my/PermitOnline>
4. Pemohon mestilah Warganegara Malaysia.
5. Seorang pemohon boleh memohon satu petak sahaja.
6. **Semua pemohon diwajibkan untuk menyelesaikan segala kompaun (sekiranya ada) sebelum menghantar permohonan.**
7. Bayaran permit hendaklah dijelaskan semasa menghantar permohonan.
8. Peniaga juga dikehendaki untuk menyertakan salinan penyata akaun di bawah nama pemohon sendiri bagi memudahkan urusan pemulangan wang sekiranya berlaku sebarang perubahan tertakluk kepada keputusan Majlis yang terkini.
9. Majlis tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemohon mengambil keputusan untuk tidak berniaga setelah permohonan tersebut diproses dan wang bayaran tidak akan dipulangkan semula.
10. Bagi proses pengundian petak, proses akan dilakukan secara atas talian dan pemohon akan diberikan pautan untuk menonton proses tersebut.
11. Keputusan adalah muktamad dan bagi pemohon yang tidak menonton proses tersebut akan dimaklumkan keputusan undian tersebut melalui sms atau panggilan telefon.
12. Pemohon dikehendaki untuk membawa resit bayaran sebagai bukti ketika mengambil permit tersebut.
13. Satu permohonan untuk 1 keluarga (suami / isteri / anak yang masih ditanggung).
14. Permohonan hendaklah dari peniaga yang mempunyai lesen perniagaan / penjaja / permit sementara / permit Deepavali dari Majlis Perbandaran Klang bagi tahun 2019,2020 atau 2021 sahaja.
15. Tiada kuota untuk Badan Bukan Kerajaan dan Ahli Politik.
16. Saiz khemah juga adalah berukuran 10' x 10' sahaja untuk petak barangan kering/barang keperluan perayaan, petak pekedai dan petak peniaga 3P dan petak makanan dan minuman ringan.
17. Peruntukan petak dijalankan melalui:
  - a. Proses undian bagi petak barangan kering/barang keperluan perayaan, dan petak makanan dan minuman ringan.
  - b. Undian dikecualikan kepada pekedai yang memohon petak hadapan kedai.
  - c. Undian dikecualikan juga kepada peniaga-peniaga tapak 3P.

18. Setiap pekedai yang memohon boleh diperuntukkan 1 atau maksima 2 petak bagi setiap lot kedai.

19. Kadar bayaran yang dikenakan kepada semua jenis petak merangkumi:

**Kadar Bayaran Yang Dikenakan Bagi petak di Lorong Tingkat dan sekitar adalah:-**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KOS (RM)</b>
1.	Kos Pentadbiran (RM5.00 x 10 hari)	50.00
2.	Kos Pematuhan SOP (RM5.00 x 10 hari)	50.00
3.	Tempat letak kereta (RM4.00 x 10 hari)	40.00
4.	Bayaran kebersihan (RM21.70 x 10 hari)	217.00
5.	Bayaran elektrik	75.00
6.	Sarung lesen/permit	5.00
7.	Cagaran Pematuhan Syarat	300.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>RM 737.00</b>

**Kadar Bayaran Yang Dikenakan Bagi Petak No. A sehingga K di Jalan Tali Air adalah:-**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KOS (RM)</b>
1.	Kos Pentadbiran (RM5.00 x 10 hari)	50.00
2.	Kos Pematuhan SOP (RM5.00 x 10 hari)	50.00
3.	Bayaran kebersihan (RM21.80 x 10 hari)	217.00
4.	Bayaran elektrik	75.00
5.	Sarung lesen/permit	5.00
6.	Cagaran Pematuhan Syarat	300.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>RM 697.00</b>

20. Bayaran permit hendaklah dijelaskan semasa menghantar permohonan.
21. Tidak dibenarkan membuat apa-apa sambungan menggunakan plastik, kanvas atau lain-lain yang seumpama.
22. Peniaga dan pembantu diwajibkan memakai tag yang disediakan.
23. Menjaga kebersihan kawasan persekitaran.
24. **Dilarang menjual / memindah milik / menyewakan / membuat pertukaran petak sesama peniaga tanpa kebenaran Majlis.**
25. Tidak membuat halangan lalulintas dan kacauganggu awam.
26. **Wang pematuhan syarat pelesenan tidak akan dikembalikan sekiranya peniaga gagal mematuhi syarat-syarat pelesenan yang ditetapkan.**
27. Majlis berhak membatalkan permit sekiranya didapati peniaga gagal menjalankan perniagaan dalam tempoh tiga hari dari tarikh perniagaan yang ditetapkan atau melanggar syarat-syarat pelesenan yang telah ditetapkan oleh Majlis.
28. Pemohon yang gagal untuk mendapatkan petak melalui proses undian bolehlah membuat permohonan pemulangan wang bayaran permit bermula dari tarikh **5/11/2021 hingga 4/12/2021 (30 hari).**
29. Permohonan bagi mendapatkan semula wang pematuhan syarat perlu dibuat dalam tempoh **30 hari selepas tamat tempoh perniagaan** mulai **5/11/2021 hingga 4/12/2021.**
30. Sebarang **permohonan selepas dari tempoh tersebut akan ditolak dan deposit tidak akan dipulangkan.** Pihak Majlis berhak untuk tidak mengembalikan wang deposit dan **wang tersebut akan dipindahkan ke hasil Majlis.**
31. Sekiranya pemohon telah mendapat petak, sebarang **penambahan aktiviti jualan selain daripada yang di mohon,** perlu **membuat permohonan baru bagi tambahan aktiviti jualan** di MPK.



(Azhar bin Samsudin)  
b.p. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Klang.

**\* Sebarang perubahan tertakluk kepada keadaan semasa dan keputusan terkini Majlis serta arahan pematuhan SOP terkini yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).**



## **IKLAN TAPAK BAZAR DEEPAVALI 2021**

KEPADA WARGA KLANG YANG BERMINAT


**(PETAK BARANGAN KERING / PETAK PEKEDAI / PETAK 3P /  
PETAK MINUMAN DAN MAKANAN RINGAN )**

TARIKH BUKA	:	20/09/2021 (ISNIN)
TARIKH TUTUP	:	1/10/2021 (JUMAAT)
PROSES UNDIAN PETAK	:	21/10/2021 (KHAMIS)
TARIKH MULA PERNIAGAAN	:	25/10/2021 – 03/11/2021 (10 HARI)
TEMPOH PERMOHONAN PEMULANGAN WANG KEPADA PENGUNDI YANG TIDAK BERJAYA MENDAPAT PETAK	:	05/11/2021 – 04/12/2021 (30 HARI)
TEMPOH PERMOHONAN PEMULANGAN WANG CAGARAN PEMATUHAN SYARAT	:	05/11/2021 – 04/12/2021 (30 HARI)

SEMUA PERMOHONAN PERLU DIBUAT SECARA ATAS TALIAN MELALUI SISTEM PERMOHONAN PERMIT PERNIAGAAN DENGAN MELAYARI PORTAL MAJLIS PERBANDARAN KLANG

<https://portal.mpklang.gov.my/PermitOnline>

PADA ATAU SEBELUM TARIKH TUTUP PERMOHONAN. PERMOHONAN YANG LEWAT TIDAK AKAN DIPROSES.

  
(Azhar bin Samsudin)  
b.p. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Klang.

**\* Sebarang perubahan tertakluk kepada keadaan semasa dan keputusan terkini Majlis serta arahan pematuhan SOP terkini yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).**




# **IKLAN TAPAK BAZAR DEEPAVALI 2021**

## **CABUTAN UNDI DEEPAVALI 2021**

SEMUA PENIAGA YANG TELAH **MEMOHON UNTUK BAZAR DEEPAVALI MPK 2021** DIJEMPUT HADIR UNTUK SESI UNDIAN SECARA ATAS TALIAN PADA KETETAPAN SEPerti BERIKUT:

<b>BIL.</b>	<b>TARIKH</b>	<b>LOKASI</b>
1.	21 OKTOBER 2021 (KHAMIS)	SECARA ATAS TALIAN DAN PAUTAN AKAN DIUMUMKAN MELALUI MEDIA RASMI FACEBOOK DAN LAMAN WEB RASMI MPKLANG

  
(Azhar bin Samsudin)  
b.p. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Klang.

\* **Sebarang perubahan tertakluk kepada keadaan semasa dan keputusan terkini Majlis serta arahan pematuhan SOP terkini yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).**




## **SYARAT-SYARAT NORMA BARU**

### **PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)**

---

- 1) Pelanggan yang mendapat kemudahan ini mestilah telah menerima vaksinasi lengkap.
- 2) Memastikan pelanggan yang ingin memasuki kawasan Bazar **MESTI** menunjukkan Kad/ Sijil Digital Vaksinasi.
- 3) Semua peniaga adalah diwajibkan untuk menyediakan termometer sendiri untuk menyukat suhu pelanggan yang hadir.
- 4) Peniaga dikehendaki juga untuk menyediakan QR code untuk di imbas oleh pelanggan dan menyediakan buku rekod kehadiran pelanggan sendiri.
- 5) Selain itu peniaga diwajibkan untuk memasang tirai lutsinar di kiri dan kanan gerai masing-masing bagi mengurangkan risiko jangkitan.
- 6) Peniaga juga dikehendaki untuk memantau pelanggan yang hadir supaya sentiasa mematuhi jarak fizikal 1 meter dan peniaga sendiri haruslah mengambil barang yang dijual untuk diberikan kepada pelanggan.
- 7) Peniaga yang gagal mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan boleh dikenakan tindakan dengan menarik semula permit perniagaan yang diberikan dan tidak dibenarkan untuk berniaga.
- 8) Peniaga wajib memastikan hanya 5 orang maksimum termasuk peniaga dan pembantu di dalam kedai pada satu-satu masa.

  
(Azhar bin Samsudin)  
b.p. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Klang.

**\* Sebarang perubahan tertakluk kepada keadaan semasa dan keputusan terkini Majlis serta arahan pematuhan SOP terkini yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).**